

16 DEC 1997

Annan-Asean

TIADA NEGARA BOLEH SELESAI MASALAH GLOBAL DENGAN SENDIRI

KUALA LUMPUR, 16 Dis (Bernama) -- Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan berkata tiada negara, tidak kira bagaimana berpengaruh ataupun kaya dengan sumber boleh menangani sendiri masalah dunia hari ini.

Ini kerana masalah sekarang terlalu kompleks dan saling berhubung kait, kata beliau pada ceramah jamuan malam yang dianjurkan oleh Institut Diplomasi dan Hubungan Luar Negeri (IFDR) di sini, malam ini.

"Dalam dunia yang penuh dengan ancaman global dan peluang-peluang global, semua negara mesti mendapat manfaat daripada kerjasama antarabangsa. Dan tiada negara terkecuali daripadanya..," kata Annan, yang kini berada di sini pada hari ketiga lawatan empat hari ke Malaysia.

Dengan memuji Malaysia sebagai pejuang utama bagi kerjasama serantau dan antarabangsa, beliau berkata slogan yang selalu digunakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad iaitu "Prosper thy neighbour (makhmurlah jiran)" adalah lebih daripada slogan.

"Ia pendekatan yang praktikal yang membayangkan persefahaman yang lebih lagi mengenai aspek hidup sezaman yang merentasi sempadan," kata beliau.

Turut hadir di majlis itu ialah Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, PBB perlu membentuk perikatan strategik dengan pertubuhan-pertubuhan serantau seperti Asean untuk menangani isu-isu global seperti alam sekitar, populasi, hak asasi manusia, perdagangan dan pembangunan.

Beliau berkata, pemimpin-pemimpin Asean telah mengisytiharkan di sidang kemuncak kelima di Bangkok pada 1995 untuk meninjau cara-cara meningkatkan kerjasama dengan PBB bagi menggalakkan keamanan dan kestabilan di rantau.

Annan berkata, beliau sedia meninjau bagaimana PBB dan Asean boleh memperluaskan skop hubungan mereka.

Pemimpin PBB itu berkata, beliau gembira untuk melawat Malaysia yang dianggapnya sebagai sahabat dan rakan baik PBB, dan lebih-lebih lagi lawatan itu sempena ulang tahun ke 30 Asean.

Mengenai Kemboja, Annan berkata beliau kesal yang keamanan dan demokrasi terbukti tidak stabil di negara itu sehinggakan perkembangan di situ menyebabkan penundaan kemasukan Kemboja ke dalam Asean.

Beliau berharap, usaha berterusan oleh PBB dan Asean akan memperbaiki keadaan di Kemboja demi masa depan rakyatnya dan bagi membolehkan negara itu menganggotai Asean. -- BERNAMA

AZZ PR